

Polis syor dakwa pengerusi NFC

Cadang tuduhan pecah amanah

KUALA LUMPUR: Polis men-cadangkan supaya Peguam Negara mendakwa Pengerusi Eksekutif Pusat Fidlot Nasional (NFC), Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail atas pertuduhan pecah amanah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Syed Ismail Syed Azizan, berkata cadangan itu terkandung dalam kertas siasatan yang sedang disiapkan polis, setelah dikembalikan Peguam Negara, Selasa lalu bagi menyiasat beberapa perkara lain.

“Kita ada menyelitkan cadangan ini supaya Peguam Negara mengambil tindakan itu.

“Kertas siasatan ini akan dikembalikan dalam masa terdekat,” katanya.

Isu NFC, yang diterajui Mohamad Salleh, suami Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mula mendapat perhatian ramai selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu me-



Kita ada menyelitkan cadangan ini supaya Peguam Negara mengambil tindakan itu



Syed Ismail Syed Azizan
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
Komersial Bukit Aman

nyatakan pusat itu gagal memenuhi matlamat penubuhannya.

Ia semakin panas selepas pembangkang mendakwa wujud penyelewengan terhadap peruntukan kerajaan berjumlah RM250 juta yang disalurkan kepada NFC.

NFC ialah projek Lembah Daging di Gemas, Negeri Sembilan bertujuan meningkatkan pengeluaran daging tempatan serta mengurangkan pergantungan terhadap daging import. – BERNAMA